

**PERISYTIHARAN JUALAN**  
**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI IPOH**  
**PERMOHONAN UNTUK PERLAKSANAAN NO :38-355-2010**

Dalam Perkara Mengenai Aturan 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

DAN

Dalam Perkara mengenai Seksyen 256 dan 257 Kanun Tanah Negara 1965;

ANTARA

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**

(Semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan pentadbiran pinjaman di bawah Akta Kumpulan Pinjaman Perumahan 1971 dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam menurut Perintah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (Tarikh Perletakhakan) 2015)  
...PLAINTIF

DAN

**ISMAIL BIN ISA [NO.K/P: 4952484]**

...DEFENDAN

**AKAN MENJUAL SECARA  
LELONGAN AWAM**

**PADA HARI SELASA, 3HB APRIL 2018 JAM 10.30 PAGI  
DI BILIK LELONG MAHKAMAH TINGGI IPOH,  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**NOTA: Bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenal pasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelongan dijalankan.**

**BUTIR-BUTIR HAKMILIK:**

NO. HAKMILIK: PN 241068 (dahulu H.S.(D) Ka 3247/82); NO. LOT: 89465 (dahulu P.T. No. 19310); MUKIM/DAERAH/NEGERI: Hulu Kinta/ Kinta/ Perak; KELUASAN TANAH: 153 m/p; CUKAI TAHUNAN: RM70.00; PEGANGAN: Pajakan 99 tahun tamat pada 6/6/2081; KEGUNAAN TANAH: Bangunan; SYARAT-SYARAT NYATA: Kediaman- Sebuah Rumah Kediaman; SEKATAN KEPENTINGAN: Rujuk Pelelong; BEBANAN: Dicagarkan kepada Minister Of Finance pada 15/10/86.

**LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:** Sebuah Rumah Teres Satu (1) Tingkat Lot Tengah beralamat pos di **No. 34, Persiaran Perpaduan 65, Taman Perpaduan, 31150 Ipoh, Perak.**

**HARGA RIZAB: RM100,000.00 [RINGGIT MALAYSIA: SERATUS RIBU SAHAJA].** Penawar yang berminat hendaklah mendepositkan **10%** daripada harga rizab dalam bentuk **BANK DRAF** di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** sebelum 9.30 pagi pada hari lelongan awam dan baki harga belian hendaklah dibayar oleh penawar yang berjaya kepada **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan: -

**JAAZ ZAIRUSHIDA JA'AFAR**

**TETUAN MAD DIAH FAIZAL & CO**

**PELELONG BERLESEN**

**PEGUAMBELA & PEGUAMCARA**

No. Tel : 012 – 5922 672

No. Tel : 05-525 0001 Fax : 05-525 0223